

Malaysia Tidak Cadang Beri Bantuan Ketenteraan Di Selatan Thai
Bernama
13 Disember, 2012

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Malaysia tidak bercadang untuk memberi sebarang bantuan ketenteraan berikutan konflik yang melanda Selatan Thai, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata pendirian itu diambil kerana Malaysia memberi keutamaan bagi mengukuhkan isu berkaitan sosio-ekonomi di Thailand.

"Tidak pernah ada permintaan daripada Thailand untuk kita memberi kekuatan ketenteraan di sana dan kita tidak berhasrat untuk bertindak sedemikian.

"Sekiranya ada permintaan sekalipun, kita tidak akan campur tangan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) ke-51 di Hotel Royale Chulan di sini, Khamis.

Mesyuarat itu, dipengerusikan bersama rakan sejawatannya Air Chief Marshall Sukumpol Suwanatat.

Ahmad Zahid berkata Malaysia memberi keutamaan dalam bantuan untuk pengukuhan sosio-ekonomi dan bukannya untuk campur tangan dalam hal politik di Thailand.

Beliau berkata Malaysia turut memberi cadangan kepada Thailand untuk memperkuat sistem pendidikan madrasah yang ketika ini menggunakan kurikulum pendidikan Islam sepenuhnya.

Ketika diminta mengulas sama ada pendekatan yang digunakan bagi menyelesaikan konflik di Mindanao boleh digunakan di Selatan Thailand, Ahmad Zahid berkata ia mungkin boleh digunakan tetapi situasi yang berbeza tidak membolehkannya diguna pakai sepenuhnya.

"Di Mindanao, kita mengetuai pasukan 'International Monitoring Team' tetapi di Selatan Thailand kita tidak perlu pasukan itu," katanya.

Sementara itu, Sukumpol percaya hubungan dua hala antara Malaysia dan Thailand akan terus diperkukuhkan terutamanya menerusi pengurusan keselamatan dan sempadan.

"Satu platform akan disediakan untuk menyelesaikan isu bersama di sempadan seperti pemerdagangan orang, penyeludupan dan aktiviti haram lain, dan menerusi usaha ini, keamanan serta kestabilan akan dikekalkan di kawasan terbabit," katanya.

-- BERNAMA